

**KAJIAN MENGENAI PENGGUNAAN KAYU
DI BAWAH PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 DI DALAM
INDUSTRI PERUMAHAN DI MALAYSIA**

OLEH

**MD. ARIF FABILLAH BIN MOHD NOR
(93689190)**

Disediakan bagi memenuhi
sebahagian daripada Keperluan untuk
Diploma Lanjutan Ukur Bangunan
di Institut Teknologi MARA

Tandatangan Penulis :

Disahkan Oleh :
Penyelia / Pemeriksa

ABSTRAK

Rumah-rumah kayu adalah merupakan salah satu kesenian Melayu. Ianya telah digunakan di dalam kehidupan sejak berkurun lamanya. Namun pembinaan rumah-rumah kayu adalah jarang didapati pada masa sekarang.

Disebabkan kepentingan terhadap keselamatan, rumah-rumah kayu telah disekat terhadap pembinaannya. Sekatan-sekatan terhadap pembinaan rumah kayu tersebut sebenarnya dinyatakan dengan jelas di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Undang-undang Kecil ini tidak menggalakkan pembinaan rumah-rumah kayu dengan menghalang bahan-bahan yang boleh terbakar sifatnya.

Walaubagaimanapun hasil daripada kemajuan teknologi dan penyelidikan yang baik ke atas bahan tersebut, ianya telah didapati sesuai untuk digunakan di dalam industri perumahan. Namun disebabkan oleh peruntukan Undang-undang tidak menggalakkan penggunaannya masih terdapat terhadap bahan ini, maka perkembangan pembinaan rumah-rumah kayu adalah telah terbantut.

Oleh itu, keterangan terperinci terhadap Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 terhadap penggunaan kayu boleh didapati di dalam disertasi ini.

ISIKANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

| | |
|--------------------------|----------|
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Objektif | 3 |
| 1.1.1 Objektif Utama | 3 |
| 1.1.2 Objektif Sampingan | 3 |
| 1.2 Skop Kajian | 3 |
| 1.3 Metodologi | 4 |
| 1.3.1Bahan Bacaan | 4 |
| 1.3.2Temubual | 4 |
| 1.3.3Kaji Selidik | 5 |

BAB 2 SKOP PERUNDANGAN

| | |
|---|----------|
| 2.1 Peruntukan Perundangan Terhadap Kayu | 6 |
| 2.1.1 Kehendak-kehendak Menentang Kebakaran | 6 |
| 2.1.2 Jadual Kesembilan | 8 |
| 2.1.3 Kehendak-kehendak Pembinaan | 13 |

BAB 3 KESAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN

| | |
|---------------------------------------|-----------|
| 3.1 Peruntukan Undang-undang | 16 |
| 3.2 Masalah Pinjaman Perumahan | 17 |
| 3.3 Masalah Insurans | 18 |

| | |
|--|-----------|
| 3.4 Masalah Penggunaan Kayu Yang Tidak Sesuai | 19 |
|--|-----------|

BAB 4 TEKNOLOGI PERKAYUAN

| | |
|---|-----------|
| 4.1 Kepentingan Rawatan Kayu | 21 |
| 4.2 Merekabentuk Kayu | 24 |
| 4.3 Rekabentuk Struktur | 26 |
| 4.4 Rekabentuk Bukan Struktur | 28 |
| 4.5 Rawatan Perencatan Api dan Perintang Nyalaan | 30 |
| 4.6 Kayu dan Kebakaran | 32 |
| 4.7 Ciri-ciri dan Keistimewaan Cementboard | 33 |

BAB 5 METODOLOGI

| | |
|---------------------------------------|-----------|
| 5.0 Responden | 36 |
| 5.1 Kaedah Kajiselidik | 36 |
| 5.2 Analisa Borang Kajiselidik | 37 |
| 5.3 Ulasan | 42 |

BAB 6 KESIMPULAN

| | |
|-------------------------|-----------|
| 6.0 Perbincangan | 43 |
| 6.1 Cadangan | 44 |
| 6.2 Kesimpulan | 47 |

1.0 PENGENALAN

Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dibuat berdasarkan kuasa yang diberikan oleh Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dimana peruntukan seksyen 133 adalah ;

Pihakberkuasa Negeri adalah mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang kecil atau berkenaan dengan tiap-tiap maksud yang difikirkan perlu olehnya bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Oleh itu, pada 12hb. September 1985 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mula digazetkan dan dikuatkuasakan diseluruh negara dengan seragamnya sebagai undang-undang kawalan bangunan.

Kini Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 telah berusia lebih daripada 10 tahun dan ianya adalah merupakan dokumen mustahak yang digunakan oleh pihak berkuasa di dalam meluluskan pelan bangunan dan juga mengawasi pembinaan sesebuah bangunan.

Adalah perlu difahami dengan jelas bahawa undang-undang yang dirangka dan dikuatkuasakan bukan bertujuan untuk menghalang pembangunan pembinaan sebaliknya kawalan adalah untuk membenarkan bangunan dibina mengikut garis panduan yang telah ditentukan. Garis panduan yang dikenakan adalah bertujuan supaya bangunan yang didirikan adalah terjamin dari aspek keselesaan, keselamatan, kesihatan dan rupa bentuk yang menarik.

Namun begitu terdapat sekatan di dalam penggunaan kayu di dalam industri pembinaan terutamanya mengenai industri perumahan. Amnya larangan-larangan dan sekatan-sekatan tersebut menghadkan penggunaan kayu bagi maksud: